

PEKAN KUALA PILAH :


PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA

kajian khusus keatas nilai sosio-budaya , struktur perancangan
serta senibina di pekan Kuala Pilah .

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah
dibaca dan disemak oleh:

Encik Abdul Ghani Mohd Desa - Penyelia
- Penyelaras

Saya berpuas hati dan bersetuju dalam skop dan nilai
Kajian Akhir ini untuk penganugerahan Diploma Senibena
Institut Teknologi MARA.



(Abdul Ghani Mohd Desa)
Penyelia.

(
Penyelaras.)

PEKAN KUALA PILAH : PENUBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA.

Kajian khusus keatas nilai sosio-budaya, struktur perancangan serta senibena di pekan Kuala Pilah.

Kajian Akhir ini dihantar kepada Jabatan Senibena Institut Teknologi MARA sebagai sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Diploma Senibena.

Oleh:

MAZUIYAH BINTI HAJI MOHD DOM
I.C ITM: 81182546
Diploma Senibena Tahun 4
Institut Teknologi MARA
Shah Alam, Selangor.
1985/86.

0.0.2. SENARAI ISI KANDUNGAN

0.0.1.	Tajuk Kajian	ii
0.0.2.	Senarai Isi Kandungan	iii
0.0.3.	Senarai Gambar-Gambar	iv
0.0.4.	Penghargaan	vi
0.0.5.	Pengenalan	xiii
1.0.0.	<u>Pendahuluan</u>	1
1.1.0.	Negeri Sembilan - Sejarah dan Pembentukannya	3
2.0.0.	<u>Kuala Pilah Secara Am</u>	11
2.1.0.	Bagaimana Kuala Pilah Mendapat Nama	14
2.2.0.	Pekan Kuala Pilah : Perletakan Awal dan Sejarah Dibalik Kewujudannya	16
3.0.0.	<u>Pekan Baru Kuala Pilah : Faktor-Faktor Utama Kewujudannya Serta Kesan-Kesannya</u>	
3.1.0.	Faktor Perlombongan Bijih Timah	24
3.2.0.	Faktor Penanaman Getah	26
3.3.0.	Faktor Perkembangan Adat	37
4.0.0.	<u>Pekan Kuala Pilah : Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Perkembangannya</u>	40
4.1.0.	Perluasan Sistem-Sistem Perhubungan	41
4.2.0.	Peninggalan Budaya Asing	47
5.0.0.	Rumusan	66
6.0.0.	Kesimpulan	69
	Bibliografi	70

0.0.5 P E N G E N A L A N

Perkembangan sebuah kampung menjadi sebuah pekan dan seterusnya berkembang sebagai sebuah bandar yang pesat, adalah dipengaruhi oleh berbagai aspek kehidupan dari segi politik, sosial dan ekonomi. Proses perkembangan ini telah melalui berbagai bentuk perubahan yang dihasilkan oleh manusia itu sendiri, yang mana bentuk-bentuk perubahan tersebut disebut sebagai sejarah. Sumber-sumber sejarah tersebut telah berkurun dimakan zaman, hanya mereka yang mempunyai 'sense of sensitivity' terhadap sumber-sumber sejarah ini, berminat untuk mengetahui, menyelidik dan merekodkannya agar ia tidak terkurbur begitu sahaja.

Kemajuan sains dan teknologi telah mengubah fikiran manusia untuk mempunyai tempat tinggal dan persekitaran yang lebih selesa dari masa ke semasa. Perkembangan ini adalah penting untuk memenuhi kehendak-kehendak fisiologi setiap manusia itu. Ekoran dari matlamat tersebut, penulis telah memilih untuk mengkaji sejarah penubuhan pekan Kuala Pilah sebagai sebuah pekan peninggalan sejarah yang semakin dilupakan. Mungkin ada fakta-fakta sejarah lain yang membawa kepada terbentuknya pekan Kuala Pilah, tetapi fakta-fakta dalam penulisan ini adalah diantara bukti-bukti sejarah yang tulin,